

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
KAWASAN : SAID
KAWASAN : PENTERA

SOALAN :

YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status dan perkembangan terkini projek menaik taraf Lebuh Raya Senai Desaru (SDE) jajaran E22 dari Cahaya Baru ke Bandar Penawar daripada jajaran dua lorong kepada lebuh raya ekspres empat lorong penuh.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini jajaran dari Cahaya baru ke Bandar Penawar, Lebuhraya Senai Desaru (SDE) adalah berstatus jajaran lebuhraya satu lorong sehala. Pada tahun 7 Ogos 2017, pihak Unit Perancang Ekonomi telah bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pelebaran lebuhraya tersebut kepada dua lorong sehala melalui peruntukan pembangunan dalam tempoh Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP3, RMKe-11) dengan anggaran kos sebanyak RM390 juta.

Walau bagaimanapun, cadangan projek tersebut telah dibatalkan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 3 Ogos 2018 atas dasar penjimatan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan ketika ini.

Sekian, terima kasih.